



KENYATAAN MEDIA

YB DR. XAVIER JAYAKUMAR
MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI

**BERHUBUNG KERJASAMA PEMANTAUAN DAN TANGKAPAN KAPAL
PASIR BERSAMA AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA
(NEGERI SELANGOR) BAGI MENANGANI KES KECURIAN PASIR DI
PELANTAR BENUA**

24 OKTOBER 2019

-
1. Saya merujuk siaran media yang telah dikeluarkan oleh APMM Negeri Selangor bertarikh 23 Oktober 2019 berhubung penahanan kapal korek pasir JINHAI 668 yang didapati beroperasi tanpa kebenaran pada jarak 10.6 batu nautika barat Pulau Ketam, Selangor pada jam 3.45 petang 22 Oktober 2019.
 2. Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) melalui Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) bekerjasama dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia

(APMM) dalam menjalankan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan ke atas ketidakpatuhan syarat-syarat lesen di bawah Akta Pelantar Benua 1966. Kerjasama ini merupakan satu kolaborasi rutin yang sentiasa dijalankan dari masa ke masa.

3. Semasa pemantauan tersebut, APMM Negeri Selangor telah mengesan dan menahan sebuah kapal korek pasir JINHAI 668 yang disyaki melakukan aktiviti pengerukan, pengambilan dan pemindahan pasir walaupun kebenaran beroperasi kapal tersebut telah dibatalkan pada 15 Oktober 2019.
4. Hasil pemeriksaan lanjut ke atas kapal JINHAI 668 tersebut mendapati kapal berkenaan gagal mempamerkan dokumen kebenaran beroperasi dari JKPTG untuk mendapatkan pasir dasar laut di kawasan pelantar benua.
5. Kes tersebut disiasat oleh APMM Negeri Selangor di bawah Akta Pelantar Benua 1966 dan jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi lima ratus ribu Ringgit Malaysia atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya dan kapal boleh dilucuthak.
6. Oleh yang demikian, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) ingin mengingatkan bahawa setiap aktiviti yang melibatkan kes kecurian pasir dan aktiviti yang tidak mendapat sebarang lesen di kawasan pelantar benua akan sentiasa dikawal dan dibanteras.

7. Komitmen ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan untuk memperketatkan penguatkuasaan ke atas pengeksploitasian sumber asli yang boleh menjejaskan kelestarian alam sekitar dan merugikan khazanah negara masa hadapan.

YB Dr. Xavier Jayakumar

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli

24 Oktober 2019